

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

teratur, bahkan tidak diketahui mana yuran yang berbayar dan tidak, mana sudah bayar jadi ahli, tetapi tidak berdaftar! Pemeriksaan dan penyelidikan dalam perkara ini patut diadakan.

\* \* \*

Terlanjur menyebut “darah baharu” dalam Jam’iyah maka patut pula diperhatikan oleh mereka mengadakan pula “*Barisan Pemuda Jam’iyah*” yang dahulu cuba ditubuhkan oleh beberapa orang ahli jawatankuasa tetapi oleh Setiausaha lama dihalangi dan dikacau disebabkan oleh cemburu langkah-langkah pemuda ini kelak akan merebut “kerusi” mereka yang hampir telah jadi harta pusaka itu. Menghidupkan *Pemuda Jam’iyah* bererti menyiapkan pemuda-pemuda untuk menduduki tempat orang-orang tua mereka dan dapat tenaga muda ini dikerah untuk bekerja kepada mengutamakan agama daripada sukan. Mudah-mudahan jawatankuasa sekarang, sementara bertukar Setiausahanya, dapat menegakkan semula *Pemuda Jam’iyah* yang ditegakkan oleh beberapa orang yang menjadi jawatankuasa sekarang.

---

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Dalam bulan *Rabi’ al-Awwal* ini tentu banyak anggota-anggota Ikhwan yang mengambil bahagian di dalam menyambut dan merayakan hari keputeraan junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang diadakan di mana-mana di seluruh dunia amnya dan di Semenanjung Tanah Melayu khasnya. Ini bagus, bagus bagi saudara-saudara tidak mengasingkan diri daripada masyarakat

yang menunjukkan tanda cintanya kepada junjungan kita Muhammad (S.A.W).

Apakah kecintaan kita kepada Muhammad itu hanya setakat yang ditunjukkan itu sahaja sedang sepulangnya kita tidak mengikuti ajarannya? Tidak saudara-saudara! Sudara-saudara belum dikatakan cinta kepada Muhammad kalau saudara-saudara hanya berarak, memperingati sejarahnya tetapi tidak beramal kepada seruannya, seruannya yang menghendaki saudara-saudara berjihad pada jalan Allah dengan harta diri dan jika perlu nyawa untuk menegakkan kalimah Tuhan!

Jalan-jalan untuk membuktikan cinta kita kepada Muhammad (S.A.W), *khatim al-nabiyyin* ada banyak diantaranya:

Pertama – menolong agama yang dibawa oleh Muhammad (pengertiannya – ideologinya) dengan perkataan dan perbuatan, dengan dengan kemahuan dan perbuatan membela syariatnya, meneladani perangainya, baik tentang kemurahan tangannya, mahupun tentang mengutamakan diri orang lain daripada diri sendiri, atau pun dalam hal sabar dan tawadduk.

Kedua - Mengasihani umat Muhammad dengan tidak memandang bulu dan warna kulitnya, membuat kebajikan dengan tulus dan ikhlas hati, serta berusaha menghasikan muslihat-muslihat umat, dan mengeluarkan tenaga dan harta untuk penyiaran agama. Seterusnya hendaklah kita mentabiatkan diri dengan adab-adab agama, dan mengutamakan

keredaan Allah atas hawa nafsu serta tidak memperdulikan kemarahan manusia dalam usaha mencapai keredaan Allah dan Rasul-Nya. Selain itu hendaklah tidak berhenti-hentinya berusaha mengikis bid'ah-bid'ah yang telah dilekatkan orang kepada Islam.

Ketiga - *Menta'zimkan* (memulia dan membesarkan) Muḥammad (S.A.W).

Keempat - Memuliakan keluarganya, sahabat-sahabatnya, istimewanya *Ummahāt al-mu'minīn*. Peringatan: Yang dikehendaki dengan keluarga Muḥammad itu, bukannya dari nasab keturunannya tetapi orang-orang yang mengikutnya dan ikhlas kerana sekalipun darahnya kalau ia melanggar hukum-hukum Tuhan dan tidak mengikutnya tidaklah ia terkandung di dalamnya.

Kelima - Memohon ampun kepada Allah untuk sahabat-sahabatnya yang telah menjadi pelopor untuk keselamatan agama dan Muhammad, yang telah membantu Muhammad dalam usaha beliau menegakkan asas kedaulatan Islam dan menundukkan bangsa yang keras kepada ke bawah perintah Ilāhi.

Keenam - Membanyakkan sebutannya dan mengucapkan selawat untuknya pada ketika orang menyebutkan namanya.

Ketujuh - Menzahirkan rasa tunduk tatkala orang menyebutnya.

Kedelapan - Mencintai al-Qur'ān *al-karīm* dan al-hadīth *al-sharīf*.

Untuk menerangkan perkara-perkara ini sebenarnya ada banyak hujah-hujah dan keterangan daripada al-Qur'ān dan al-hadīth. Ini

boleh diperhatikan di dalam ayat-ayat al-Qur'ān di Surah Al-Nūr (42), al-A'raf (7). Dan banyak lagi. lagi.

Nabi sendiri bersabda: "Tiada beriman seseorang kamu sehingga keinginan nafsunya menurut segala petunjuk yang aku telah datangkan".

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Inilah sebahagian cara kecintaan umat kepada Rasul-Nya (S.A.W). Kalau kita cinta kepadanya bukannya hanya menyambutnya tetapi beramal, beramal sebagaimana yang dikehendakinya berbuat baik dan menegah kejahatan.

Lihatlah oleh saudara-saudara, di sini bagaimana kecintaan orang-orang yang terdahulu daripada kita kepada Muḥammad (S.A.W).

"Demi Allah, kalau sekiranya beliau memerintahkan saya memancung Hafsa (anakny – dan isteri Nabi) tentu

Sudahlah tuan membaca:

### Surat Menyurat

Disusun oleh 'Idrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-tama buku mengenai surat menyurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskah \$1.80

Pos 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskah Jawi.

akan saya lakukan.”- kata Saidina Umar yang cinta kepada Rasulullah lebih daripada cinta kepada dirinya.

Lihatlah saudara-saudara bagaimana Abu Bakar menangis di Gua Thūr kerana takutkan Muḥammad tertawan! Lihatlah lagi cetera-cetera di bawah ini:

1. Nabi mempunyai seorang hamba yang telah dimerdekakan bernama Thaubān. Ia sangat kasih kepada Nabi, tak dapat menahan hati kalau tidak melihat wajahnya. Pada suatu masa ia tidak dapat memandang wajah Nabi beberapa hari lamanya, kerana itu Thaubān menderita perubahan tubuhnya. Mukanya pucat, badannya kurus- tanda-tanda dukacita dan terharu nampak padanya.

Seketika ia berjumpa Rasulullah lalu ditanya tentang perubahannya. Ia menjawab: Saya tidak sakit, hanya apabila terhalang memandang wajah tuan saya tak dapat menahan hati. Saya takut benar diakhirat nanti saya tak dapat memandang wajahmu, ya Rasulullah. Tuan di dalam syurga di tempat yang sangat tinggi – saya tak dapat menyertai tuan.

Mendengar itu Nabi pun meredakan hatinya dan berkata: “Engkau beserta orang yang engkau cintai.”

Tatkala itu turun ayat yang menerangkan bahawa orang-orang yang mentaati Allāh dan Rasūl-Nya ditempatkan setempat dengan orang-orang yang telah dinikmati iaitu: Nabi-Nabi, orang-orang *siddīq*, *shuhadā’-shuhadā’* dan orang-orang salih.

2. Bilal bin Abī Rabbah tatkala hendak menarik nafas yang akhir, sahabat-sahabatnya mengatakan: Wahai alangkah pedihnya hati kami. Mendengar Bilal itu menjawab: Wahai alangkah senangnya hatiku, esok akan aku jumpai Muḥammad.

Kesakitan mati itu disadurkannya dengan kelazatan berjumpa, menjumpai kekasihnya.

Manusia yang insaf kepada kebaikan yang ditegakkan oleh Muḥammad kepada umat manusia tentulah mencintai Muḥammad lebih daripada yang lainnya. Tentulah memalu ia menghormati Muḥammad lebih dari segala-galanya, dan ia tidak senang memandang Muḥammad (sabdanya berdasarkan wahyu Ilāhi) di sama tarafkan orang dengan kata-kata pujangga-pujangga yang tidak mendapat wahyu.

Apakah kita akan melebihkan yang lain daripada Muḥammad kalau kita cinta dan bersyukur kepada Allah yang telah menurunkan Muḥammad membawa wahyu Tuhan untuk disampaikan kepada kita? Apakah kita hanya berarak – di sebalik itu kita tidak berusaha menjalankan suruhannya, membuat jihad dan pengorbanan untuk agama kita?

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Ini adalah terpulang kepada saudara-saudara. Saudara-saudara jika yakin kepada Allāh, Allāh yang menolong Adam, menolong Nuh, menolong Ibrahim, menolong Musa dan lain-lainnya dan yang telah menolong Muḥammad, maka saudara-saudara tentu akan bekerja kerana Allah akan menolong usaha saudara sehingga jaya kerana Allah menjanjikan Allah akan menolong siapa-siapa yang menolong (agama) Allāh dan akan mengemukakan mereka itu.

Marilah saudara-saudara anggota Ikhwan, marilah kita kemuka menjadi tentera Allah, menjadi pelopor-pelopor pasukan sabīl Allāh untuk menegakkan kalimah Tuhan! Sesiapa yang memulai ia akan mendapat kebahagiaan Allah lebih dahulu daripada orang lain – Inshā Allāh!

---

Sesungguhnya semulia-mulia iman itu, ialah engkau mengetahui, bahawa Allāh beserta kamu di mana jua engkau berada – maksud hadīth